

# UMS laksana pembayaran secara kredit terus mulai 2013

UB 22.03.2012 B12

**LABUAN:** Jabatan Bendahari, Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan melaksanakan pembayaran secara Electronic Fund Transfer (EFT) kepada syarikat dan kontraktor yang menjadi pelanggan universiti itu mulai 2013.

Ketika ini, Jabatan Bendahari UMS sedang dalam proses untuk memberi pendedahan dan pengenalan kepada syarikat dan kontraktor sebelum melaksanakan sepenuhnya EFT pada tahun depan.

Penolong Bendahari Seksyen Pentadbiran Perolehan Am, Jabatan Bendahari UMS, Eldeon John Baptist berkata selaras dengan Surat Pekeliling Bendahari Bil.1/2011 iaitu memastikan bil dan tuntutan dibayar dengan segera tidak lewat dari 14 hari dari tarikh diterima atau selaras dengan syarat-syarat atau kontrak mengikut mana-mana yang berkaitan.

Katanya, sebanyak 25 buah syarikat/kontraktor telah

mengesahkan permohonan untuk menggunakan pembayaran secara EFT sehingga 15 Mac lalu.

Beliau berkata Jabatan Bendahari UMS akan melaksanakan pembayaran melalui kaedah kredit terus kepada akaun bank pembekal dan pembayaran menerusi E-payment ini akan dilakukan melalui Malayan Banking Berhad (MBB).

"Ia akan membolehkan pembekal atau kontraktor mengemaskini maklumat syarikat dan seterusnya mengemukakan Borang Akuan Bayaran menggunakan EFT kepada Jabatan Bendahari UMS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat mengenai EFT kepada 30 pembekal/kontraktor di Dewan Theatrette, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), kelmarin.

Turut hadir Timbalan Bendahari Kanan, Zallifah Shadan, Penolong Bendahari Kanan UMS-KAL,



**SEBAHAGIAN** pembekal dan kontraktor yang menghadiri taklimat pembayaran terus EFT di Dewan Teater UMS Labuan.

Muhajirah Muchlish dan Penolong Akauntan Kanan UMS-KAL, Ruby Zawati Timbang.

Eldeon berkata antara faedah EFT ialah penerima akan menerima bayaran cepat dan boleh terus menyemak baki akaun melalui sistem banking online di bank masing-masing.

Selain itu, syarikat atau




**ZALLIFAH** (dua kanan) melihat borang yang akan digunakan oleh pembekal dan kontraktor.

kontraktor tidak perlu menghubungi atau datang ke pejabat Bendahari UMS untuk mendapatkan cek dan mengurangkan risiko kesilapan pembayaran melalui penggunaan cek serta cek hilang semasa dalam proses penghantaran.

Tambahnya, bayaran melalui EFT dibuat pada hari yang sama bagi penerima akaun MBB dan dua hingga lima hari bagi penerima yang mempunyai akaun selain MBB daripada tarikh kelulusan EFT dibuat oleh

Jabatan Bendahari UMS. Sehubungan itu, beliau menasihatkan pembekal atau kontraktor supaya memohon bayaran secara EFT dengan menghubungi Jabatan Bendahari di talian telefon 088-320000 sambungan 1439 / 14401 atau melayari laman web www.ums.edu.my/bendahari atau datang terus ke kaunter Sektor Pengurusan Perolehan, Jabatan Bendahari, Aras 3, Blok Selatan, Bangunan Canselor, UMS, Kota Kinabalu.



**ZALLIFAH** (kanan) menjelaskan faedah pembayaran terus EFT kepada pembekal dan kontraktor.